



Ruj. Kami : ANM(S)NS.100 Jld.10 (17)

Tarikh : 19 April 2019

PENGARAH
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YB Tuan / YBhg. Dato / Tuan,

SEMAKAN MAKLUMAT PEMBAYARAN BAGI AKAUN PUKAL PETRONAS

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan telah membuat analisa ke atas trend pembayaran bagi agensi pukat. Berdasarkan semakan Jabatan ini, amaun pembayaran kepada agensi pukat PETRONAS pada **bulan Mac 2018** didapati telah meningkat sekali ganda berbanding bulan-bulan berikutnya.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YB Tuan / YBhg. Dato'/tuan untuk membuat semakan ke atas laporan-laporan berikut (terutama bagi pembayaran pukat bulan Januari – Mac 2018) dan memaklumkan kepada Jabatan ini sekiranya berlaku lebih bayaran kepada PETRONAS yang melibatkan Jabatan YB Tuan / YBhg. Dato'/tuan :

- i. Laporan Bulanan Pembayaran Pukat;
- ii. Laporan Terperinci Pembayaran Pukat;
- iii. Laporan Vot Dana; dan
- iv. Invois/Bil daripada Agensi

4. Sekiranya berlaku lebih bayaran, kerjasama daripada pihak YB Tuan / YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk memaklumkan mengenai perkara tersebut kepada pegawai-pegawai berikut atau emel ke alamat pukat_janmns@anm.gov.my **sebelum atau pada 30 April 2019** :

- | | | |
|------|------------------------------------|---------------|
| i. | Encik Muhammad Elias bin Abu Bakar | 06 – 768 6874 |
| ii. | Puan Rozlina binti Anuar | 06 – 768 6844 |
| iii. | Puan Zaliza binti Bakar | 06 – 768 6841 |

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YB Tuan / YBhg. Dato'/tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA(UK), C.A.(M))

Unit Pengurusan Dana

b.p. : Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan